



## KENYATAAN MEDIA

### **PEMERKASAAN KOMUNITI DALAM ASPEK PENJAGAAN WARGA EMAS**

**PUTRAJAYA, 8 NOVEMBER** - Kementerian ini merujuk kepada kenyataan YB Menteri bahawa Kementerian tidak akan menambah bilangan pusat jagaan bagi warga emas. Kenyataan tersebut adalah selaras dengan perancangan masa depan Kementerian untuk memperkasakan komuniti dalam menjayakan usaha menjaga warga emas.

Di bawah strategi **penglibatan dan kesepaduan antara generasi**, Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan memperkasakan dan mendayaupayakan komuniti untuk menujuhan **Organisasi Berasaskan Komuniti** (*Community Based Organization*). Dalam hal ini, fokus terhadap penglibatan Kerajaan semata-mata dalam aspek penjagaan warga emas perlu diubah dengan melibatkan komuniti dan memandang isu ini sebagai tanggungjawab bersama antara Kerajaan, komuniti dan keluarga.

Pada masa kini, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif pemerkasaan komuniti dalam aspek penjagaan warga emas bagi meletakkan asas untuk menjayakan perancangan masa depan:

#### **i) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan khidmat yang bercorak *reaching out* dan *developmental* kepada warga emas dengan berganding bahu bersama-sama agensi-agensi lain dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Dengan adanya program sebegini, warga emas yang masih aktif dapat membuka ruang dan peluang kepada warga emas untuk terus berada dalam komuniti dan boleh terus menyumbang pengalaman dan pengetahuan mereka. Sejak penubuhan sehingga Jun 2016 seramai **30,165 warga emas** telah berdaftar dengan **51 buah PAWE** sedia ada di seluruh

negara. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan pertambahan **8 buah PAWE baharu pada tahun 2017** semasa pembentangan Bajet 2017 yang lalu.

**ii) Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*)**

Program Khidmat Bantu di Rumah dilaksanakan oleh sukarelawan kebajikan serta petubuhan bukan Kerajaan (NGO). Program ini merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas terutama mereka yang tinggal bersendirian semasa ketiadaan ahli keluarga di rumah. Sehingga **Jun 2016**, seramai **2,150 orang sukarelawan** telah melibatkan diri dalam program ini dan telah memberi manfaat kepada **5,892 warga emas**. Pada tahun 2017, sukarelawan ini akan terus diperkasakan supaya dapat memberikan sokongan terbaik kepada warga emas.

**iii) Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)**

Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) pula menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital /klinik sama ada hospital/klinik yang disediakan oleh kerajaan mahupun swasta. Skop program juga diperluaskan untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi urusan keperluan sosial warga emas. UPWE digerakkan oleh NGO - Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) dengan dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**iv) Perkhidmatan *Respite Care***

Perkhidmatan *Respite Care* adalah perkhidmatan alternatif kepada waris/penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan. Perkhidmatan *Respite Care* merangkumi jagaan dan perlindungan kepada warga emas di samping pengurusan dan penyediaan keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan tempat tinggal di institusi. *Respite Care* telah mula beroperasi pada 30 Mac 2016.

Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memberi beberapa bantuan bagi memastikan kebajikan warga emas terbaik:

**v) Bantuan Orang Tua**

Bantuan ini bertujuan membantu menampung keperluan asas warga emas supaya mereka boleh terus tinggal bersama keluarga dalam komuniti. Penempatan warga emas di institusi merupakan alternatif terakhir sekiranya warga emas tidak mempunyai waris atau saudara mara. Bagi tahun 2016 (hingga Jun 2016) telah menyalurkan Bantuan Orang Tua kepada **137,357 warga emas** dengan peruntukan sebanyak **RM294,159,479**. Bantuan ini membantu untuk menampung keperluan asas warga emas supaya mereka boleh terus tinggal bersama keluarga di dalam komuniti.

**vi) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar**

Dalam usaha meringankan beban perbelanjaan penjagaan yang dihadapi oleh keluarga dan **bagi mengelakkan atau mengurangkan kemasukan warga emas terlantar ke institusi**, Kerajaan telah menyediakan bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar berjumlah **RM300 sebulan** kepada penjaga. Bagi tahun 2016 (hingga Jun) bantuan ini telah diberi kepada **25,113 orang penjaga** dengan kos sebanyak **RM54,266,575**.

**vii) Bantuan Kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)**

Bagi menggalakkan komuniti menyediakan perkhidmatan jagaan kepada warga emas, Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK. **Bagi tahun 2015**, Kerajaan telah memberi bantuan kewangan kepada **246 buah PSK** dengan peruntukan sebanyak **RM27,720,726**.

Bagi memastikan Pusat Jagaan Warga Emas menepati piawaian dan kualiti perkhidmatan yang ditetapkan, JKM melakukan pemantauan berterusan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sehingga Jun 2016, sebanyak **310 pusat jagaan** warga emas yang merangkumi **7,000 orang penghuni** telah berdaftar di bawah Akta ini.

*Disediakan Oleh:*

***Unit Komunikasi Korporat***

***Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat***